

Seminar Bahasa Melayu 2022

Ucaptama
VISI ARIF BUDIMAN

**Menyulam Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
Bahasa dan Kebudayaan Melayu
di Tengah Angkasaraya Kehidupan**



Profesor Madya Dr. Hadijah Rahmat
Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia,
NIE/NTU



ABSTRAK

- Visi Arif Budiman telah diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek bahasa Melayu di Singapura pada tahun 2005 atas saranan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (JSBM), Kementerian Pendidikan Singapura (MOE). Kertas Ucaptama ini merupakan suatu renungan semula pada visi ini untuk memahami keperluan, kesesuaian dan keberkesanannya setelah 15 tahun dilaksanakan. Ternyata banyak perubahan telah berlaku pada alam kehidupan sejagat dan landskap pendidikan akibat perkembangan pantas teknologi dan kesan arus gelombang globalisasi. Banyak cabaran yang dihadapi dalam situasi VUCA dan semua ini perlu ditangani secara bijaksana lagi tangkas perkasa.
- Kertas ini menyarankan beberapa pendekatan dan strategi baharu untuk mengukuhkan PdP bahasa Melayu sebagai wacana utama pendidikan bahasa dan kebudayaan Melayu di Singapura supaya lebih utuh padu tekal kekal (*sustainable*) untuk memenuhi keperluan genting budaya masyarakat dan negara, gagah mengharungi ancaman gelombang pelbagai budaya luar, dan mampu menyesuaikan dengan norma baharu masa kini serta bersedia membina kehidupan dan tamadun masa depan. Saranan Visi Arif Budiman Versi 2.0 ini adalah berdasarkan pelibatan penulis secara langsung dalam proses semakan JSBM, pelaksanaannya dalam jawatankuasa penggalak dan peneraju kurikulum, kursus peningkatan profesionalisme guru dan juga hasil pencarian peribadi berterusan menggali warisan sejarah, akar budaya dan ilmu asli Melayu (*indigenous knowledge*) demi memenuhi amanah untuk mendidik bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu yang dicintai.

•

MENJUNJUNG BUDI MENYULAM KASIH



Terima kasih kepada
Pusat Bahasa Melayu Singapura atas undangan
dan penghormatan ini

- Hikmah -

Renungan semula langkah laluan pendidikan bahasa Melayu
di Singapura sejak 2005 dan menggali semula tulisan saya
tentang visi ini

Kilasan Rasa Pemula Kata

Di tengah tularan teknologi maklumat
Di tengah percaturan perkampungan sejagat
Dalam perbauran kompleks nilai dan darjah
Kita mahu menjadi Kumpulan terhormat
Menjunjung bangga bahasa ibunda, bahasa dunia
Pengucap identiti, payungan budaya di bawah mega nusa sejati
Membina rumah ummah dalam kencang gugat
Gelombang globalisasi

(Hadijah bte Rahmat, *Cerita Rakyat III*, 17 Februari 1992)



**Kerangka Baharu Visi Arif Budiman versi 2.0
dengan Pendekatan Sepadu - Sulaman
Pelbagai Ilmu dalam Kehidupan (Pendekatan
sintesis dan integratif) supaya PdP lebih
strategik, tuntas, berkesan dan berkekalan.**

Sulaman puisi-puisi yang berkaitan dengan tema bicara sebagai penghayatan dan pengukuhan.

Renungan peribadi secara paduan akademik dan kreatif, sulaman minda/IQ, emosi/EQ dengan seni persuratan.

INTISARI BICARA

1. Latar Sejarah Kelahiran Visi Arif Budiman Dalam Sistem Pendidikan Singapura
2. Cita Sempurna Melayu Arif Budiman di Tengah Dunia Melayu dan Angkasaraya Kehidupan
3. Perubahan dan Cabaran Kehidupan Kini dan Kesan pada Landskap Pendidikan
4. Takrifan Semula, Kerangka Baharu Visi dan Rekayasa Pendidikan Bahasa dan Budaya Melayu (BBM)
5. Rumusan - Sinar Arif Budiman dalam Galaksi Kehidupan Sejagat
6. Titik Akhir - NUR Hakikat Kewujudan Yang Abadi



1. LATAR SEJARAH KELAHIRAN VISI ARIF BUDIMAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN

Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) telah membentuk Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu /JSBM (*the Malay Language Curriculum and Pedagogy Review Committee/MLCPRC*) pada bulan Disember 2004 untuk membuat penilaian dan perancangan yang menyeluruh mengenai kurikulum subjek bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Singapura.

Senarai anggota JSBM

Penasihat	Encik Hawazi Daipi Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Tenaga Manusia
Pengerusi	Prof Madya Dr Hadijah Rahmat Pensyarah, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC), NIE.
Ahli Akademik	Profesor Madya Dr Shaharuddin Maaruf Head, Jabatan Pengajian Melayu, NUS Dr Mohd Mukhlis Abu Bakar Penolong Profesor, ALC /NIE Dr Noor Aisha Abdul Rahman Penolong Professor, Jabatan Pengajian Melayu, NUS
Media	Encik Ibrahim Hassan Editor Eksekutif, Ketua Berita dan Hal Ehwal Semasa Melayu, MediaCorp News Pte Ltd Encik Mohd Raman Daud Penolong Editor, Berita Harian and Berita Minggu, Singapore Press Holdings

Pengetua Sekolah & Guru Pakar & Ketua Subjek	Puan Aini Maarof Pengetua, Sekolah Menengah First Toa Payoh Puan Moliah Hashim Pengetua, Sekolah Rendah Northland Encik Wan Imran Mohd Woojdy Pengetua, Sekolah Rendah Boon Lay Garden Cikgu Mohamed Naim Daipi Guru Pakar/ ML Master Teacher, Cluster 3 Cikgu Abidah Bibi K A Marikar Ketua Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Siglap Cikgu Siti Fazila Ahmad Ketua Jabatan Bahasa Ibunda, CHIJ St Theresa's Convent Cikgu Siti Hidayah Mohamad Taha Ketua Subjek Bahasa Melayu, Sekolah Rendah St Anthony's Canossian
Pegawai Tinggi MOE	Ms Ho Peng Pengarah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, MOE Mr Toh Poh Guan Pengarah, Assessment and Research Division, Singapore Examinations and Assessment Board (SEAB)



1. Menjelaskan matlamat kurikulum BM yang digunakan bagi kursus berbeza di peringkat sekolah rendah, menengah dan prauniversiti.

Bidang Tugas

5. Memberi nasihat tentang cara pelaksanaan yang berkesan bagi tugas-tugas di atas.

3. Menyemak keberkesanan struktur kurikulum BM yang ada, sukan pelajaran BM yang pelbagai, bahan pengajaran dan corak peperiksaan bagi setiap Kumpulan sasaran.

2. Meneliti sama ada pelaksanaan pelbagai sukanan pelajaran BM di sekolah sejarah dengan matlamat kurikulum yang dapat dicapai dengan usaha memadai oleh pelbagai Kumpulan sasaran.

4. Menyarankan penghalusan yang sesuai pada struktur kurikulum BM demi menjayakan lagi matlamat dasar Bahasa ibunda MOE, di samping mengambil kira keupayaan linguistic dan latar pelajar BM.



(Rujuk Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu, MOE, November 2005, hal.13)

KAEDAH SEMAKAN & PROSES RUNDING CARA

1. Mendapatkan pandangan meluas pelbagai pihak berkepentingan. MOE telah menjalankan tinjauan melibatkan 7500 pelajar, ibu bapa dan guru dari 68 sekolah merentasi seluruh peringkat.
2. Mengadakan 12 perbincangan Kumpulan fokus dan 3 Sesi Dialog serta saluran maklum balas orang ramai.
3. Pusat Penyelidikan dan Amali (CRPP), NIE telah menyelenggarakan kajian MOE dan berkongsi hasilnya untuk memahami amalan di bilik darjah. Kumpulan ini telah mengadakan 45 pemerhatian bilik darjah dalam tahun 2004 dan 33 lagi dalam tahun 2005.
4. Mengadakan lawatan ke Malaysia untuk meraih pengalaman mengenai aneka pendekatan pedagogi dan untuk memperbaharui dan membina jalinan dengan institusi utama di Malaysia. 10 orang j/k dan Sekretariat menunjungi pertubuhan, sekolah dan institusi di Malaysia dari 19 hingga 24 Jun 2005.

Kunjungi pertubuhan, sekolah dan institusi di Malaysia (19 hingga 24 Jun 2005):

- a. Pusat Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- b. Bahagian Buku Teks, KPM
- c. Lembaga Peperiksaan, KPM
- d. Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan (sekolah rendah Bestari)
- e. Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria (sekolah menengah Bestari)
- f. Sekolah Antarabangsa Seri Utama
- g. Sekolah Wawasan
- h. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- i. Institut Bahasa Melayu
- j. Fakulti Pendidikan dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.

Lawatan KE MALAYSIA



Sekitar lawatan ke Malaysia





KENANGAN INDAH BERMAKNA BERSAMA



Indahnya gandingan tenaga sepadu dengan latar kubah Masjid Putra, Putrajaya Malaysia

VISI

**Visi Arif Budiman- Insan Berilmu Pengetahuan
yang berbakti kepada masyarakat.**

TAHAP

MATLAMAT

Pra-U/JC

**Mendalami dan Membina
Bahasa dan Budaya Melayu secara kreatif
dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang
dalam dunia yang berubah**

Menengah

**Mendalami dan Menghargai
Bahasa dan Budaya Melayu dalam
pelanjutan pembangunan negara**

Rendah

**Mengenali dan Memahami
Bahasa dan Budaya Melayu sebagai
Sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura**

**Rajah 1- Matlamat dan
Tahap Proses Rekayasa
Bahasa dan Kebudayaan
Melayu**
**(Rujuk Laporan JSBM,
2005: 20)**

HASIL SARANAN JSBM

Jawatankuasa Pembelajaran
dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu
(MLLPC), ditubuh pada
Februari 2006

Anugerah Guru (AGAB) –
sejak 2007. Hingga 2021
69 guru telah diiktiraf

MENGAPA PERLU VISI?

- Kita masih tercari-cari arah dan cara mengatasi masalah bangsa kita yang dibebani beberapa MASALAH sosial, yang agak ‘tertinggal’ berbanding bangsa lain di Singapura, hingga kita rasa kecil kerdil. Rasa kekecilan ini saya rakamkan dalam sebuah puisi saya berjudul “Di Tengah Alam”

*Bagaimana dan bila
Manusia seperti aku dari bangsa kerdil
Di tengah negara kecil
akan lebih bererti dan disedari di peta dunia
Dapat mengukir sebuah bekas di jalan sejarah
Menggantung sebutir sejora di dada cakerawala
Sambil mengecap keredhaan Allah!*

*(Hadijah Rahmat, “Di Tengah Alam”, 8 Mei 1983)

RASA TIDAK PASTI & TIDAK YAKIN

Siapakah

Siapakah

Siapakah di antara kita nanti

Pengayun pena dan mengubah tinta

Yang menukar himpunan kata nama MASALAH

Dalam prosa hidup dan kamus sejarah

Dan meletakkan setitik noktah

Penutup kisah tragedi panjang ini.



(Hadijah Rahmat, "Antara Paluan Gong dan Sentuhan Doa - Sempena Kongres Pembangunan Masyarakat", Berita Minggu, 4 Jun 1989)

7 Rangkaian Tulisan Tentang Visi Arif Budiman



- a. "Membina Semula Rumah Budaya Melayu di Perkampungan Jagatraya – Visi Pendidikan Bahasa Melayu pada Tahap Selanjutnya"; Seminar Kementerian Pendidikan Singapura, 24 Sep 2005.
- b. "Visi Arif Budiman – Peranan dan Cabaran Pengajaran Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu"; Sembang Bahasa, anjuran PGBM, 3 Nov 2006, Perpustakaan Nasional S'pura.
- c. "Membina Minda dan Budaya Melayu Baru Melalui Perekayasaan Pendidikan Bangsa", kertas Seminar Dunia Melayu Dunia Islam, anjuran Jamiyah, Singapura, 2007. Lihat juga Jurnal e-Utama, Jilid 1 (2008), 1-16.
[http://www.mlc.alc.nie.edu.sg/docs/hadijah_rahmat.pdf].
- d. "Masuri SN dari Jendela Arif Budiman dan Pembinaan Rumah Manusia Sejagat" dalam Mukhlis dan Hadijah Rahmat (eds), Kumpulan Kertas Kerja Seminar Masuri SN, S'pura: NIE, 52-82.
- e. "Falsafah Budi, Adab dan Kesantunan Melayu – Sastera sebagai Wadah Pendidikan". Seminar MASTERA di DBP, KL, 2016.
- f. Kertas Konsep Perkhemahan Pendidikan Adab Kesantunan anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura, November 2011. Perkhemahan pertama pada 16 dan 17 Mac di Kelab Masyarakat Kampung Ubi. Seramai 65 orang murid primari 5 dari 40 buah sekolah merata Singapura mengikuti Perkhemanan Adab dan Kesantunan 2012.
- g. "Melayu Arif Budiman: Jejak Perjalanan Mencari Jatidiri dan Menerokai Visi Kebudayaan Melayu di Tengah Alam Jagatraya". CENDEKIAWAN LESTARI SERIES #04.17 Julai 2021. (<https://mhf.org.sg/cendekiawan-lestari-series-04-melayu-arif-budiman-jejak-perjalanan-mencari-jatidiri-dan-menerokai-visi-kebudayaan-melayu-di-tengah-alam-jagatraya/>)

CITA SEMPURNA MELAYU ARIF BUDIMAN DI TENGAH DUNIA MELAYU DAN ANGKASARAYA KEHIDUPAN



- Setiap insan dan sebuah masyarakat memerlukan sesuatu cita atau visi hidup untuk menjadi panduan dan motivasi dalam kehidupannya yang membawanya ke arah pencapaian hidup yang sempurna. Sebaiknya, cita itu adalah cita yang sempurna atau unggul. Ini telah dijelaskan oleh sarjana atau pemikir ulung kita, almarhum Profesor Syed Hussein Alatas.
- **“Cita sempurna itu adalah satu pandangan hidup yang menyeluruh bertujuan untuk mencapai masyarakat sempurna. Cita sempurna ini juga menggerakkan usaha yang hebat bagi menjayakannya.”**
- **Tanpa cita sempurna, masyarakat mungkin mempunyai cita bencana, yang membawa keburukan kepada kehidupannya:**
- **“Lawan kepada Cita Sempurna ini ialah Cita Bencana: Cita bencana ini adalah, semua yang bertentangan dengan cita sempurna.”**

(Prof Syed Hussain Alatas, *Cita Sempurna Warisan Sejarah*. UKM. 2000)



Inisiatif Singapura pada Perkembangan Bahasa dan Kebudayaan Melayu (BBM)



Syukur dan besar hati kerana subjek bahasa Melayu di negara kita ini mempunyai sebuah visi yang baik, unik dan dapat kita banggakan. Visi Arif Budiman adalah suatu ciri yang penting dan keistimewaan dalam pendidikan bahasa Melayu di Singapura. Ini adalah inisiatif negara sejak tahun 2005 yang wajar dihargai dan terus dipertahankan.

Rasa besar & syukur inilah yang saya rasakan semasa berkongsi pengalaman Singapura dalam seminar MASTERA di DBP Kuala Lumpur pada tahun 2016, yang juga telah mendapat liputan akhbar Harian Metro Malaysia pada 21 Oktober 2016 oleh wartawan Khusyi Hirdan.

Memberi taklimat khas kepada Dato' Dr Mohd Gazali Abas, Setiausaha Agung (Secretary-General) dan delegasi Kementerian Pendidikan Malaysia semasa kunjungan khas mereka ke NIE untuk mengetahui tentang pendidikan bahasa Melayu di Singapura pada 27 April 2019. Saya bentangkan visi ini dan initiatif yang telah diambil oleh MOE dan NIE dalam PdP BM dan latihan guru di Singapura



Dari Penerima Budi menjadi Pemberi Budi

Sejak awal lagi, kita telah merujuk dan bergantung pada bahan dan kaedah pengajaran bahasa dan persuratan Melayu dari Malaysia dan juga Indonesia. Kini kita sudah dapat menghasilkan bahan dan pendekatan pengajaran bahasa Melayu secara mandiri, malah kini dengan semakan dan penerapan visi ini kita sudah boleh berkongsi inisiatif pendidikan yang kita terokai sendiri dengan negara dan masyarakat penutur dalam dunia Melayu yang lain untuk sama-sama belajar dan membina bahasa dan kebudayaan Melayu.

Ini suatu peningkatan diri yang penting, kerana kini kita masyarakat Melayu di Singapura dapat menyumbang dan mengimbangi pencapaian BUDI kita - dari masyarakat yang sekadar menerima budi menjadi penyumbang dan penabur budi.



Perubahan dan Cabaran Kehidupan & Kesan pada Lanskap Kehidupan



Pameran

(Renungan Surah 102, At Takatsur/
Bermegah-megahan)

“Engrossed are you in rivalry for wealth,
Until you reach your graves.

No indeed! For Afterwards, you will
surely know!

And no indeed! For you will surely
know!

No indeed! Had you known for certain,
You would behold hell! you shall see it
with the eyes of certitude
Then, on that Day, you will be
questioned about Bliss!

(Al-Quran, At-Takaatsuur / Rivalry in
Wealth, 102.

Translated by Tarif Khalidi, 2009:518



*Hidup kini seperti mengumpul artifak ekspos pameran
Satu persatu objek, simbol, mercu tanda kemajuan
mesti direka hias, ditonjolkan, menangkap perhatian:
Sijil kelayakan, pasangan unggul, istana impian,
Kenderaan termahal, fesyen, jenama terhandal;
Anak-anak tercomel, berbakat, makanan terenak,
pangkat teratas, populariti terbanyak, ekonomi terbesar,
yang terbaik, terhebat, terbaru, terkini, ter....
Menjadi visi, misi hidup termoden
Semuanya mesti diperaga, dikongsi serta merta
Dengan rasa bangga, dengan bermegah-megah
Terus ditekan, terus tertekan, terus menekan diri,
sesama sendiri. Saling memuja, sanggup menikam diri.*

CABARAN DI SEKOLAH – Generasi Z dan Alpha di Tengah Gelombang Budaya Popular

- Landskap sekolah sudah banyak berubah kerana kelahiran generasi baru setiap 15 tahun dan perubahan beberapa generasi sepanjang abad 21 dari generasi Senyap/Silent (1928-1945), generasi ‘Baby Boomer’ (1946-1964), generasi X (1965-1980), generasi Y atau ‘Millennial’ (1981-1996), Generasi Z (1997- 2009), generasi Alpha (2010-2024) dan tidak lama lagi generasi Beta (2025-2039).
- Ini jelas melalui perubahan profil pelajar/ibu bapa atau keluarga yang baharu, malah generasi guru Melayu baru yang mewarnainya. Kini kita berhadapan dengan generasi Z dan Alpha yang lebih terdedah dengan media sosial, mudah menyerap budaya digital, sudah mesra dengan rentak Tik Tok dan berbagai lagi lagu hati dan irama gaya generasi baharu yang tergoda dengan idola dan influencers budaya popular atau budaya massa sejagat (seperti K-pop, Bollywood, Tik Tok dll.) yang meluas di angkasaraya maya.
- Mampukah BBM bertahan dengan gelombang budaya popular ini? Atau BBM terhakis terbenam?
- Ini adalah tugas guru BBM untuk bertindak secara bijaksama menangani cabaran budaya ini terhadap anak didik kita, generasi baru yang berubah profil mereka.

Cabaran Guru-guru AGAB (2021)

I. Cabaran meyakinkan BM penting dan akan kekal relevan.


(Cikgu Zulhafiz bin Zainal, Sekolah Menengah Woodlands Ring , Penerima AGAB kategori Teladan 2021)

II. Tidak mudah tarik minat, yakinkan/ bina rasa cinta/bangga bahasa & budaya dengan logika/perspektif/jendela lama dan budaya lama bukan amalan kini.

(Cikgu Shaheda Bte Salim, Guru Sekolah Rendah Perempuan Raffles, Penerima AGAB Kategori Perangsang 2021)


III. Sukar membentuk sahsiah kerana ketidaktentuan dan perubahan [bukan saja akademik, tapi aspek kemanusiaan dan memupuk jati diri]

(Cikgu Mardhiah Binti Mohd Said, Guru Sekolah Menengah Anderson, Finalis AGAB kategori Perangsang 2021)



TAKRIFAN SEMULA, KERANGKA BAHARU & REKAYASA PENDIDIKAN BBM

- Disebabkan perubahan, putaran dan cabaran dalam cakerawala kehidupan baru di atas, kita masih perlu merenung semula peranan dan tugas kita. Kita perlu memberi takrifan baru (redefine) terhadap makna dan bentuk pedagogi pengajaran dan terus mengukuhkan strategi pendidikan kita supaya lebih relevan, cekap dan berkesan, sehingga dapat menjadikan angkasawan yang bijak cekap meneroka cakerawala ilmu pengetahuan dan bintang BBM dapat gagah berputar, di atas graviti kemanusiaan dan bersinar gemilang dalam galaksi kehidupan semesta alam.



MENGEJAR IMPIAN DAN MENYULAM HARAPAN



- Frasa popular mencapai sesuatu cita-cita, impian ialah “Mengejar” (*Chasing*). Misalnya, ‘mengejar impian’, ‘mengejar kejayaan’. Keinginan di hati yang mahu mencapainya dengan segera, supaya tidak terlepas peluang atau ketinggalan. Perlu direnung semula.
 - Kita perlu mengatur strategi yang lebih yakin & tenang (*cool*), menggali tradisi, memanfaatkan apa yang kita warisi dengan lebih bijak dan cekap. Kita tidak perlu terkejar-kejar, tapi tidak jelas, masih kabur arah dan Langkah budaya yang perlu diambil. Sedangkan nenek moyang kita sudah lama mengingatkan:

Yang dikehjarnya tidak dapat

Yang dikendong berciciran

TELESKOP PENDIDIKAN



- Guru perlu memiliki ‘Teleskop Pendidikan’ untuk meneropong jauh ke angkasaraya kehidupan kini dan wajah masa lalu, dapat melihat sinar kekuatan budaya dan tamadun Melayu dan tidak dikaburi oleh pancaran dari satelit penjajah yang menguasai pusat dan putaran cakerawala kehidupan.
- Kita juga tidak disilaukan oleh kilauan gaya hidup palsu dan mudah terpukau dengan ilusi maya, anyaman teknologi digital. Dengan teleskop pendidikan yang canggih dan utuh, kita dapat mengenalpasti realiti alam sebenar dan mampu mengamati, meramal, merancang dan merekayasa masa depan BBM.

Apakah Teleskop Pendidikan ini?

- Ini adalah KANTA PENGAMATAN dengan perspektif yang luas berbagai, paduan /nexus 7 Ciri kekuatan tenaga atau Nadi dalam sistem solar pendidikan :

Visi
Paksi BBM,
Prinsip Diri Guru,
Nadi Kekuatan Pelajar
Suri Teladan/Suluh Arif Budiman.


- Strategi PdP
 - Langkah Program BBM
-
- Teleskop padu ini membantu mengamati, menggali, memilih ilmu, kemahiran, kepakaran, kesenian yang sesuai dan menyusun strategi pendidikan untuk menyulam kecemerlangan dalam PdP BBM

KECEMERLANGAN ANGKASARAYA MELAYU ARIF BUDIMAN DENGAN KERANGKA & TELESKOP PENDIDIKAN BAHARU

Kerangka Baharu Pendidikan BBM

(Angkasaraya Melayu Arif Budiman)
merangkumi ciri-ciri berikut:

- - 1. Satu Visi (Makna ‘BUDI’ & Insan Arif Budiman)
 - 2. Tiga Paksi Bahasa dan Budaya
 - 3. Tiga Paksi Diri Guru sebagai Angkasawan Ilmu
 - 4. Tiga Nadi Penutur Sejati dan 3 Bintang kecemerlangan
 - 5. Tiga Kompas Budaya & Suluh Arif Budiman Teladan
 - 6. Tujuh Strategi Pendidikan
 - 7. Sebelas Langkah Lanjut Penerbangan PdP BBM



The James Webb Telescope Successfully Launches Into Space
A rocket carrying the \$10 billion dollar invention blasted off
Christmas morning and powered up as planned, providing
astronomers with a long-awaited gift

KECEMERLANGAN ANGKASARAYA MELAYU ARIF BUDIMAN

- DALAM KERANGKA PENDIDIKAN BBM -

SATU VISI
ARIF BUDIMAN

3 PAKSI BBM

3 PRINSIP GURU

3 NADI & 3
BINTANG
CEMERLANG
PELAJAR

3 KOMPAS
/SULUH
TELADAN

7 STRATEGI PdP
BBM

11 LANGKAH
LANJUT PdP
BBM



KONSEP INSAN ARIF BUDIMAN

INSAN ARIF BUDIMAN – mempunyai ilmu pengetahuan (dari segi bahasa dan budaya) dan kebijaksanaan/kearifan dari segi luaran dan dalaman, yang merangkumi sikap, kemahiran, ilmu, kecerdasan dan kelakonan/keterampilan diri dll yang akan dilahirkan dan dimanfaatkan demi kesejahteraan bersama yang diidamkan dalam konsep BUDI Melayu.

Konsep ARIF BUDIMAN merupakan suatu konsep pembangunan diri yang menyeluruh (holistic), merangkumi struktur dalaman dan struktur luaran diri seseorang:

STRUKTUR LUARAN
[kearifan (wisdom) bahasa dan kelakuan] – dari segi bahasa boleh dimanifestasikan dari segi ‘budi bahasa’, sementara dari segi kelakuannya, ialah ‘budi pekerti’.

STRUKTUR DALAMAN
[Kearifan indera dalaman] –ini dimanifestasikan dari segi minda (akal budi), dari segi emosi (hati budi), rohani (hati nurani budi) dan system penilaian (budi bicara) seseorang.

Falsafah atau nilai yang ditekankan oleh orang Melayu terhadap konsep insan Arif Budiman ini, terakam dalam sebuah ungkapan Melayu berikut:

“Arif Bertemu dengan Budiman,
Terindah daripada Lautan Mutiara”

Ungkapan ini amat dalam maknanya. Setiap satu ciri ini- arif dan budi, mempunyai nilainya yang tinggi dalam masyarakat. Tetapi jika jika kedua-dua ciri itu dimiliki (arif + budiman) – kearifan dan kebudiman, tentu sekali nilainya adalah lebih besar dan tinggi daripada segala kekayaan di dunia.

PENILAIAN AMALAN BUDAYA & KONSEP BUDI -RENUNGAN DIRI DALAM KEPOMPONG SEJARAH



"How could you trust any stranger who approached you on the street? There are thousands of professional beggars and swindlers, who simply hidup dengan menipu orang, especially ignorant newcomers like us. I have been approached also by such people, but I simply ignored them, pretended that I did not know what they were saying.

"jam sepuluh I tunggu dia di situ selama sejam, hoping that she would return my money.

Tolol betul! Akhirnya, I pulang ke asrama dengan perasaan marah, kecewa dan sedih."

"Niat you memang baik, but not suitable for this people and place. Pada mereka di sini, kebaikan seperti itu hanya suatu kebodohan. This is London, bukan Singapura atau Malaysia, we have to be more careful!"

"Memang betul katamu. Sampai sekarang pun I malu dan tidak dapat memaafkan tindakan bodoh itu." Jawabku, penuh kesal.

Angin beku menggigit rakus

pipi dan jejariku

daun-daun maple segar

kini pudar, kering, kuning

gugur berselerakan

sepanjang lantai perjalanan

reput di bawah kakiku".

(Rujuk cerpen Kepompong, hal.25)


<https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/18418/1/Sekata-1999-1-1-21.pdf>
497/18418/1/Sekata-1999-1-1-21.pdf

KOMPLEKS BUDI

Tafsiran, pemahaman dan pelaksanaan konsep umum Budi perlu direnung semula. Kita perlu lebih bijaksana untuk mengelakkan diri dari mudah jatuh dalam perangkap budi, jadi mangsa ‘termakan budi’ (kerana sudah menerima kebaikan orang, sanggup bertindak melanggar hukum, undang-undang, dasar kemanusiaan).

Manusia sudah lebih pintar, canggih mengekplotasi sesama insan atas nama budi atas kebaikan atas nama budaya, agama dan sebagainya.

Lapisan makna dan pelbagai bentuk budi yang berlapis dan kompleks ini perlu dikuasai oleh guru dan diajar pada anak-anak kita. Guru juga harus sedar & bijak tangani cabaran tarikan songsang/perang/krisis budaya dalam hidup masa kini.



KENALI & KUKUHKAN PAKSI BAHASA BUDAYA MELAYU

PAKSI 1

- KENALI & HIDUPKAN
FALSAFAH BUDI &
MAKNA 'ARIF
BUDIMAN'

PAKSI 2

- KENALI DAN
KEKALKAN SENDI ADAT
& NILAI MURNI (ALAM)

PAKSI 3

- HAYATI & AMALKAN
NILAI ADAB/SANTUN
/ASLI/HALUS &
KEINDAHAN MELAYU

**ANGKASARAYA ARIF BUDIMAN –
PAKSI UTAMA BUDAYA MELAYU – BERBUDI PADA KELUARGA, BANGSA, AGAMA,
TANAHAIR, ALAM DAN KEMANUSIAAN**

Alam Terkembang Jadikan Guru

BUMI DIPIJAK LANGIT DIJUNJUNG



KONTEKS

Alam Semula jadi - perlu direnung, hargai, jadi guru/pedoman, pelihara & harmoni

Tanah air - perlu berbakti, & perjuangkan Tanahair

Contoh masakini:

Gerakan selamatkan alam sekitaran
Nilai perpaduan kaum/budaya S'pura

RUJUKAN TEKS-

Warisan Persuratan/Pemikiran & Teks Sastera Rakyat & Karya agung Melayu
Pantun – cermin wajah harmoni alam
Hikayat Hang Tuah & Sejarah Melayu
cermin Nilai Setia vs Durhaka

Kompas Budaya Suluh Gemilang

- Luqman Al-Hakim
- Tenas Effendy
- Pendeta MAS

3 Paksi Budaya Melayu

SINAR ANGKASARAYA MELAYU ARIF BUDIMAN –

3 NADI KEKUATAN PENUTUR SEJATI & 3 BINTANG KECEMERLANGAN



BERILMU & BERKEMAHIRAN (Minda/Akal Budi/Pakar)

Berpengetahuan & berkemahiran
Tahu yang Hak dan Batil
Tunduk pada TU-HAN bukan HAN-TU
relevan, dalam, tinggi, luas,
holistik & seimbang
Sedia, tangkas, berkesan
Transformasi diri menuju
– insan arif bijaksana
- KENAL /CEKAP -



CINTA & BANGGA (Jiwa/Hati Budi/bangga/sayang)

*Bahasa kita, Budaya Kita
Alam Kita*

HIDUP, BERMUTU, MAJU

BERFUNGSI & BERKESAN /IMPAK
Pembangunan bangsa, agama, negara, dunia,
Kemanusiaan & Tamadun

DIHORMATI & DIIKTIRAF DUNIA



BERBUDI & BERBAKTI (Sikap/Perilaku/Budi Pekerti/Budi Bicara)

Menghidupkan Bahasa
Membina Budaya [bersendi syarak]

Memelihara Alam Sekitaran
Berbakti pada keluarga, bangsa,
Agama, masyarakat,
Negara & kemanusiaan

-Insan Penyayang Budiman
Tinggi budi pekerti
Tinggi budi bicara
- AMAL BAKTI -

3 PRINSIP GURU ARIF BUDIMAN BBM

PRINSIP	PAKSI DIRI	NILAI
P1	Berpeganglah pada Falsafah Hidup yang Teguh	Nilai kearifan dan Budiman bersendikan Syarak (Budaya Melayu-Islam)
P2	Mendidik suatu amanah, amalan, ibadah, perjuangan sepanjang hayat	Nilai Profesionalisme Sejagat
P3	Contohilah Pendidik Unggul sebagai Inspirasi dan berusahalah menjadi guru suri teladan berdedikasi	Nilai Moral-Integriti dan Inspirasi sejagat

ANGKASARAYA GURU ARIF BUDIMAN – 3 PAKSI BBM, 3 PRINSIP GURU TELADAN & 7 STRATEGI PENDIDIKAN

KONTEKS

negara/Rantau/ dunia sejagat
Tidak terasing/ relevan/ menyumbang
Pembangunan negara , kemanusiaan
& kesejahteraan alam sekitaran

TEKNOLOGI / WACANA

/ Pelbagai media sosial/
Komunikasi –manfaat vs musnah

PENDIDIKAN

Holistik
- sikap/Pengetahuan/kemahiran/ hati/emosi
Profesionalisme / kurikulum/ Pedagogi
 Profil guru & pelajar,
- cukup bersedia, tangkas dan berkesan
 - Tidak hanyut arus /trend semasa
 - Keseronokan vs transformasi

PRINSIP GURU TELADAN

Prinsip 1 - Berpegang Falsafah hidup Teguh

Prinsip 2 – Mendidik Ibadah, Perjuangan sepanjang hayat

Prinsip 3- Pimpinan Teladan /Inspirasi Hidup



Falsafah Arif Budiman

NILAI Murni Adat / tradisi/ Budaya

ADAB/Santun/Halus/keIndahan Melayu

MAKNA

- Lapis/ Batas Makna
(asal, baru, kompleks)

BENTUK

Ekspresi Bahasa adat Budaya tidak beku,
Segar, dinamik, kekalkan sendi syarak,
terus ditambah nilai

BAHAN /TEKS

Warisan Persuratan/Pemikiran
& Teks Karya agung Melayu &
Teks Islam & budaya lain
sebagai bandingan & pengukuran
Nilai sejagat teks/budaya Melayu
(jangan bergantung pada buku teks saja)

3 Paksi Bahasa & Budaya Melayu

FUNGSI TUNTAS PENDIDIKAN – KESERONOKAN DALAMAN BERMAKNA BUKAN LUARAN

Guru harus beri perhatian pada keseronokan yang lebih bermakna (*meaningful joy of learning*) iaitu apabila murid rasa begitu teruja bila menemui ilmu baru.

Keseronokan bukan pada tahap rangsangan ('*stimulus*') saja, tetapi pada saat indah bila kita menemui wawasan baru (*new insight*) dan penemuan baru (*knowledge discovery*) mengenai sesuatu ilmu BBM.

Bagaimanakah keseronokan bermakna boleh dicapai?

Inilah yang perlu kita fikirkan bersama secara profesional



KOMPAS BUDAYA & SULUH GEMILANG ARIF BUDIMAN TELADAN


- Dalam sejarah pendidikan budaya Melayu-Islam, kita mempunyai ramai tokoh pendidikan yang telah berjasa sebagai ‘Kompas Budaya’ yang telah memberi tunjuk arah, panduan dan suluh yang terang untuk membimbing dalam perjalanan hidup kita. Tanpa pencerahan mereka kita pasti dalam kegelapan dan mungkin sesat dalam kekeliruan dan krisis budaya. Mereka adalah tokoh yang harus dijadikan contoh teladan.
- Tiga tokoh pendidikan sebagai mewakili negara Singapura (Pendeta MAS), dunia nusantara (Tenas Effendi), dan dunia Islam tanpa sempadan (Luqman Al-Hakim).



LUQMAN AL-HAKIM – PENGHULU AHLI SYURGA & PENDIDIK ARIF BUDIMAN SEJATI




- Siapakah Luqman Al-Hakim?
- Begitu istimewa dan amat mulia status beliau sehingga nama Luqman menjadi judul surah al-Quran (Surah 31, Surah Luqman). Surah ini diturunkan di Mekah dan nama beliau disebut 2 kali, ayat 12 dan 13. Luqman seorang hamba/khadam berkulit hitam, bangsa Habsyi, Sudan dan nasihat beliau pada anaknya begitu popular hingga kini.
- Luqman dikatakan sebagai salah seorang “Penghulu Ahli Syurga” menurut Hadis Thabarani yang ditafsirkan oleh HAMKA:-
- “3 orang Sudan jadi penghulu ahli syurga: “ Luqman Al-Hakim, Najasyi dan Bilal al-Mudzdzin”
 - (HAMKA, p.137)



LUQMAN AL-HAKIM (RENUNGAN HAMKA)

- “Luqman adalah nama dari seorang yang selalu mendekatkan hatinya kepada Allah dan merenungkan alam yang ada di sekelilingnya, sehingga dia mendapat kesan yang mendalam, demikian juga renungannya terhadap kehidupan ini, sehingga terbukalah baginya RAHSIA HIDUP itu sehingga dia mendapat hikmat.”
- (HAMKA, Pendahuluan Tafsir Surah Luqman, TAFSIR AI-AZHAR)
- Ahli hikmat disebut “Al-Hakim”. Luqman dipanggil “Luqman Al-Hakim” (Luqman Ahli Hikmat) kerana beliau seorang pendidik yang ahli hikmat / *the Wise Educator*.
- Beliau mendapat Hikmat (Wisdom) kerana kesan jiwanya yang dapat merasa, mengetahui sesuatu. Beliau mempunyai 2 sifat – pemerhati alam dan kehidupan dan amat dekat dengan Allah.



7 WASIAT LUQMAN – PEGANGAN HIDUP

INSAN & DASAR ILMU PENDIDIKAN

Luqman telah memberi 7 wasiat kepada anaknya:

1. Tidak Mempersekutukan Allah (Dasar kepercayaan-Tauhid)
2. Berbuat Baik Kepada Kedua Ibu Bapa
3. Menolak Ajakan Ibu Bapa Dengan Cara Yang Baik Jika Bertentangan Dengan Syariat
4. Allah SWT Akan Membalas Setiap Perbuatan Kita Walau Sekecil Zarah
5. Melaksanakan Solat, Amar Makruf Nahi Mungkar Dan Sabar Hadapi Ujian
6. Tidak Sombong Dan Angkuh
7. Bersederhana Dan Elokan Percakapan



Terungkap dalam 7 ayat (ayat 13-19, Surah Luqman), amat menarik kerana menekankan pentingnya pegangan/ prinsip hidup, nilai rohani, nilai Keluarga, nilai bantuan, Kesederhanaan, nilai rendah diri dan adab kesantunan.

“ Wasiat Luqman kepada puteranya hanya terdiri daripada 7 ayat saja. Tetapi dalam ayat yang tujuh itu tersimpanlah dasar-dasar daripada Ilmu Pendidikan, yang tidak akan berubah-ubah selama manusia masih hidup dalam dunia ini.”
(HAMKA, Tafsir Al-Azhar p.115)


PENDEKATAN PENDIDIKAN TRANSFORMATIF



"Memang lidah dan hati itulah bahagian dalam tubuh manusia yang paling besar khasiatnya, apabila orang pandai menjaganya. Dan keduanya pula yang akan mencelakakan manusia apabila dia tidak dapat mengendalikannya. Hati dapat menimbulkan niat yang ikhlas dan dapat juga culas. Lidah dapat menuturkan kata-kata yang penuh budi bahasa sesama manusia, dan dengan sebab lidah perang pun biasa terjadi."

(HAMKA, p.136)

BELAJAR DARI PENGALAMAN (EXPERIENTIAL LEARNING)



Luqman mendidik anaknya tentang pentingnya **Prinsip Hidup bahawa ‘Niat & Tindakan’ kerana Allah dan bukan kerana manusia**, sehingga kita mudah risau atau tergugah dengan komen orang yang berbeza mengikut perspektif masing-masing.

(lihat <https://www.youtube.com/watch?v=ihV1z3SyudM>
& UMMI (M02E08) Bahagian 3 | Kisah Luqman Al Hakim)

KEARIFAN / HIKMAH LUQMAN AL-HAKIM

Sekurang-kurangnya, ada 3 unsur pendidikan yang boleh kita pelajari atau raih dari Luqman al-Hakim:

1. Asal usul atau status sosial tidak penting. Nilai ilmu dan keperibadian boleh mengangkat status seseorang.
2. Isi Pendidikan yang kekal bernilai sejagat - Pegangan Hidup Kemanusiaan, Nilai keluarga, diri, nilai budiman
3. Pendekatan dan kaedah Pendidikan yang berkesan - Pembelajaran Pengalaman, Pembelajaran Kritis, Reflektif dan Transformatif



TENGKU NASARUDDIN SAID EFFENDY (PAK TENAS) – KOMPAS BUDAYA MELAYU

- Walaupun Pak Tenas hanya mendapat pendidikan formal di Sekolah Rakyat di Pelalawan (1946-1950), Sekolah Guru B (1951-1954) dan Sekolah Guru B (1955-1958), Almarhum telah menunjukkan kemahiran kesarjanaan yang amat tinggi dan mengagumkan. Ini terbukti melalui usaha pengumpulan lebih kurang setengah juta ungkapan Melayu dan 10,000 pantun dari pelbagai daerah, serta tulisan dan ceramah atau seminar yang disampaikan di dalam dan luar Indonesia mengenai sejarah dan kebudayaan Melayu.
- 3 pengajaran penting

PAK TENAS EFFENDY – DWIFUNGSI KONSEP BUDI



- Pertama kali saya mendengar mutiara bicara beliau dalam seminar Dialog Selatan di Johor Baharu pada 26 Januari 1992. Pak Tenas membincangkan dwifungsi konsep BUDI (Menerima dan Membalas Budi). Ini suatu pengalaman bersejarah yang tidak akan saya lupakan sepanjang hayat saya. Pak Tenas telah memberi suatu paradigm baru terhadap nilai Budi yang merupakan nilai teras Melayu sehingga telah menukar perseptif saya terhadap kebudayaan Melayu. Kesan ini saya rakamkan dalam "Kata Pengantar" buku Sastera dan Manusia Melayu Baru:
- "Kekuatan dan keindahan budaya Melayu terakam halus dalam pantun dan pepatah-petitihnya. Melalui khazanah budaya tersebut kita dapat memahami dan menghargai ketinggian jiwa dan akal budi seorang Melayu. Budi, sebagaimana tercermin dalam pantun dan pepatah tersebut, menjadi sendi atau tunjang falsafah masyarakat Melayu yang begitu dimuliakan dan ingin diterapkan dalam kehidupan. Tetapi budi ini jugalah yang menjadi sumber kelemahan dan kejatuhannya. Ini kerana apabila seseorang Melayu sudah termakan budi, ia dengan mudah diperalatkan. Generasi muda hari ini mesti memahami pengaruh budi dalam masyarakatnya. Untuk maju, kita jangan mudah menerima budi, tetapi kita haruslah berusaha untuk menabur budi." (Hadijah Rahmat, 1998:iii)



PAK TENAS - JELASKAN SALAH FAHAM MAKNA UNGKAPAN/ PEPATAH MELAYU LAMBANG/MAKNA TERSIRAT TIDAK DIFAHAMI

- menjelaskan dan melaraikan tentang salah faham dan kekeliruan yang timbul tentang konsep, lambang dan makna tersirat dalam ungkapan, pantun, pepatah Melayu yang sebelum ini tidak disampaikan secara lengkap dan kurang difahami fungsi sebenar, konteks budaya dan sejarahnya. Pak Tenas telah menggali, melengkapkan dan memberi nafas baharu, kesegaran dan makna baharu pada warisan sejarah, sastera dan budaya Melayu. makna simbol dalam pantun dan lagu “Tudung Periuk Pandai Menari”.

Tudung periuk pandai menari


Mainan anak putera mahkota

Kain yang buruk beri(kan) kami

Untuk penghapus (si) airmata

PAK TENAS - SALAH FAHAM KERANA TIDAK LENGKAP, DIAMBIL SEKERAT-KERAT -HILANG MAKNA ASAL.

- Kekeliruan ini apabila ungkapan-ungkapan ini hanya diambl sekerat-sekerat sehingga makna asalnya yang cukup positif telah hilang sehinggakan kebernasan falsafah Melayu dan keindahan di sebaliknya tidak difahami dan dihargai.
- Misalnya Peribahasa ‘hangat-hangat tahi ayam’ digunakan untuk membuktikan orang Melayu tidak memiliki semangat dan kekerasan hati dalam suatu usaha dan peribahasa ‘rezeki secupak tidak boleh jadi segantang’ digunakan untuk mengatakan sifat orang Melayu yang fatalis, menyerah bulat-bulat pada takdir.



PENDETA DR MUHD ARIFF AHMAD (MAS) –
PEJUANG “SUARA MASYARAKAT”, “JIWA BAHASA” & “BUDAYA BERSENDI SYARAK” SEPANJANG HAYAT

- “Bahasa Jiwa Bangsa”
- “Sastera untuk Masyarakat”
- “Sastera Bina Manusia”

PENDETA DR. MUHD ARIFF AHMAD (MAS) – TIGA PELAJARAN DARI PEJUANG PENYAYANG



PERTAMA - Dalam hidup, perlu ada keseimbangan ilmu dunia dan akhirat. Ilmu itu tidak semestinya digali di menara gading. Biarpun pendidikan universiti itu adalah asas dan penting, ianya belum menjamin seseorang untuk menjadi seorang Arif Budiman, seorang pendidik, seorang pejuang bangsa dan obor inspirasi kepada masyarakat.

KEDUA - Khidmat dan bakti kepada bangsa dan negara tidak terhenti apabila kita bersara. Perjuangan bahasa dan budaya adalah perjuangan sepanjang hayat bukan kerana keperluan menyara hidup atau mengisi tuntutan perjawatan semata-mata. Berjuanglah untuk bahasa, budaya, agama dan negara yang kita cintai selagi kita hidup.

PENDETA MAS – PEJUANG SEPANJANG HAYAT

Pelajaran Ketiga dan Pesanan SMS Terakhir

- Semangat perjuangan luar biasa beliau untuk berbakti dalam keterbatasan tubuh fizikal sehingga ke nafas terakhir, pada usia 91 tahun.



“Ass wR wR. Prof Hadijah. Saya ingin memenuhi undangan MBMS menulis rencana utk Spura 50 tahun, malangnya keadaan fizikal saya sebagai OKU belum dapat menulis spt biasa. Dapatkah Prof. nasihati saya bagaimana boleh saya menyumbang kpd projek itu dalam keadaan kurang upaya ini.

Mohon jawapan; terima kasih dan salam, Mas.”

(SMS pada Hadijah, 28 Mei 2014)

SARANAN – 11 LANGKAH LANJUT PDP BBM (1-6)



SARANAN - Langkah Lanjut PdP BBM (7-11)

SARANAN

Pengiktirafan
Tokoh Arif
Budiman

Universiti
Kehidupan

Pengajian
Guru Rentas
Pelbagai
Disiplin

Matlamat
Hidup
Sejagat
Sepadu

Nilai Insan
Arif Budiman
Sejati

SARANAN - LANGKAH LANJUT PENERBANGAN ROKET PDP BBM

1. Teruslah Selami, gali & Sajikan TERAS/SENDI ADAT BUDAYA & NILAI MURNI ALAM dalam wacana/media baru

Buku ‘ Kembara Budaya’ dan ‘Kembara Indah Alam Melayu ‘(Journey to Malay Wonderland or Malay Cultural Journey) atau ‘Museum Maya’ – panduan mengenai sejarah Tamadun Melayu & Nilai Teras Adat / Budaya Melayu –dengan pendekatan inovatif/kreatif sesuai profil generasi baru

2. Warisan persuratan Melayu amat kaya tetapi belum dimanfaatkan sepenuhnya. Pilihlah dan sajikan teks klasik Melayu-Islam yang kaya nilai progresif dinamik sejagat– seperti Hikayat Nakhoda Muda dan Taj al-Salatin, sebagai bahan pengajaran. Guru jangan terikat pada teks yang ditetapkan MOE sahaja.
3. Perkenalkan sastera dan budaya Melayu kepada dunia antarabangsa yang lebih luas dan berkesan dan tidak terbatas dalam bahasa Inggeris sahaja. Penerbitan buku kanak-kanak dwibahasa dan berbagai bahasa dunia (Mandarin, Tamil, Arab, Perancis, Jerman, Russia , Jepun, Korea, Afrika dll.)

Teruskanlah usaha Siri Lanjutan buku kanak-kanak Arif Budiman – Burung Kenek-kenek & Bunga Kasih Ibu yang berkonsepkan dwibahasa, tulisan jawi dan unsur seni Melayu. Saya amat gembira dengan kelahiran buku dwibahasa Pengembaraan TIM yang telah menambah nilai pada perkembangan sastera kanak-kanak Melayu dari segi tema alam haiwan, alam semula jadi yang berbagai (biodiversity) dengan paduan teknologi Digital/ AI, seni lukis and seni musik.


GALI & SAJI NILAI ILMU ASLI TAMADUN MELAYU (*INDIGENOUS KNOWLEDGE*) UTK SEMAI RASA CINTA & BANGGA TERHADAP BBM

Melayu Mesra
Alam
(haiwan, pertani
an, perikanan
dll.)

Melayu Bangsa
Pelayar
(teknologi bina
kapal) & Kisah
Panglima Awang

Melayu kaya Seni
sulaman, seni
pakaian, seni
hiasan, seni
tarian, seni
persembahan

CONTOH PELAJAR YANG JATUH CINTA DENGAN BM (ALFIAN SAAT)



- *“One of the reasons why I love the Malay language is how much indigenous knowledge about the natural world is contained in it. Some of these sayings are not as common as they once were, which reflects an estrangement from these animals. And yet these nuggets provide a pathway for reconnection”*

(His FB posting, 16 Nov 2021)

(Nota – dengan izin Alfian Saat, 20/1/22)

INDIGENOUS KNOWLEDGE – A PATHWAY FOR RECONNECTION TO NATURAL WORLD



KERA

The long-tailed macaque, as its tail is longer than its body. The alarm call it makes sounds like 'Kraa! Kraa!'

Memberi bunga kepada kera.
'To give a flower to a macaque'.
To give something to someone who does not appreciate its value.

Macam kera kena belacan.
'Like a macaque with shrimp paste on its body'.
Someone who is restless and cannot keep still.

Macam kera kelaparan.
'Like a hungry macaque'.
An old person whose mouth is constantly opening and closing.



KERA

The kera population in Singapore is around 1500, concentrated at the Bukit Timah and Macritchie nature reserves.

Macam kera mendapat pisang.
'Like a macaque receiving a banana'.
Someone who is extremely happy.

Kera sumbang.
'A macaque who has committed wrongdoing'.
Someone who likes to keep to himself and avoids socialising.



BERUK

The Southern pig-tailed macaque, because of its short, curved tail. This is what distinguishes it from the kera.

Bagai beruk kena ipuh.

'Like a macaque contacted with the poison sap of the ipuh tree'.
Someone who is writhing in pain.

Pantas seperti tangan beruk.


'As fast as a macaque's hand'.

Someone who seizes something very fast.

Berhakim kepada beruk.

'Letting the macaque preside as judge'.

Asking a greedy person to arbitrate will result in one's loss.



BERUK

In Thailand and Malaysia, the beruk has been trained to pick coconuts.

Seperti hendak meluruskan ekor beruk.

'Trying to straighten the pig-tailed macaque's tail'.
Trying to give advice to someone who is very stubborn.

Berputik dulu baru berbunga, buahnya jarang dimakan beruk.
'Bearing fruit before it flowers, such fruits are rarely eaten by macaques'.

A woman who gets pregnant before marriage will get a bad reputation.



LOTONG

Langur, also known as leaf monkey. The word 'lotong' comes from Sundanese, meaning 'black'.

Seperti lotong meniti batang kayu.
'Like a langur walking across a log/trunk'.
Someone who concentrates on a task.

Seutas rotan ditarik, bergegar hutan belukar, riuh bunyi kera dan lotong.

'A rattan stem is pulled, the forest underbrush shakes, the outburst from the macaques and langurs is deafening'.

If someone is guilty of wrongdoing, he or she will receive an earful from friends and relatives.



UNGKA

The gibbon. (We now move from monkeys to apes). Because of their calls, they are also known as 'awau' and 'wakwak'.

Anak ungka terbang cepat,
Anak kedidi berjalan sedepa;
Bukan senang cari sahabat,
Sahabat berbudi sukar dijumpa.

The young gibbon flies fast,
The young plover takes long strides;
It is not easy to search for a friend,
A virtuous friend is hard to find.





SIAMANG

A black species of gibbon. It is known for its throat pouch with which it makes its loud, resonating calls.

Dirintang siamang berbuai.

'Engrossed while watching a siamang swing through the trees'.
Absorbed in an idle or fruitless activity.

Bagai bunyi siamang kenyang.

'Like the sound of a siamang after it has been sated with food'.
Someone who becomes talkative after receiving good fortune.

Bagai siamang kurang kayu.

'Like a siamang who lacks branches to grasp'.
Someone in distress because of a lack of basic necessities.



ORANG HUTAN/ MAWAS

Orang means 'person' and hutan means 'forest'. This Malay loanword has entered English as orangutan.

Anak lutung di pokok jelutung,

Anak mawas di pokok ara:
Ramai-ramai kita berpantun,
Kerana memuja teruna dan dara.

The young langur in the jelutong tree,
The young orangutan in the ficus tree:

Let us recite pantuns together,
In praise of our ladies and gentlemen.




KONGKANG

Sunda slow loris, a small primate with large eyes that moves slowly through trees on all four limbs.

Seperti kongkang malu.
'Like a shy slow loris.'

Someone who is uncomplainingly generous to others to the effect of causing hardship upon themselves.




Primates in Malay Proverbs & Poems

SARANAN - LANGKAH LANJUT PENERBANGAN ROKET PDP BBM

- 5. Lebih banyak kajian perlu dilakukan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan visi ini, khususnya pada tahap matlamat pembinaan BB. Namun hingga kini hanya hanya 2 kajian pada MA/PhD saja yang dilakukan.
- 6. Panduan Pendekatan Baharu - Bahan mengajar yang dapat membantu guru menangani isu-isu hidup semasa yang mencabar (konsep 'pushing the boundaries' & sejauh mana batas langit moral/ etika budaya/ hak individu/ kemanusiaan) boleh dipertahankan. Usahakan. Jangan tunggu & bergantung pada MOE. Berani meneroka yang baru.
- 7. Bidang pengajian dan latihan guru perlu diluaskan pada kajian rentas pelbagai disiplin ilmu dan tidak terbatas pada pengajian bahasa, sastera dan budaya yang konvensional. Ini adalah trend kesarjanaan masa kini dan akan lebih berkembang dalam masa akan datang. Misalnya kajian sosiologi, antropologi, geografi, seni bina, dan sebagainya.

**Usaha Menambah Nilai...
di Luar Batasan, rentas pelbagai disiplin,
penerokaan baharu...**

<https://www.youtube.com/watch?v=2p22ZuJQdow>



Michelson Morley- the First Civilian to
Successfully Launch a Rocket Into Space (2004)

ILMU TERSURAT ILMU TERSIRAT

- 8. Janganlah hanya kuasai kosa kata dan tahu menurut bicara Melayu saja. Kuasailah ilmu yang tersurat dan tersirat dalam bahasa, persuratan dan kebudayaan & juga bidang-bidang ilmu lain yang berkaitan, yang mempengaruhi kehidupan.
- Fungsi “Bahasa bukan sekedar untuk berkomunikasi. Bahasa dan persuratan Melayu adalah khazanah dan wacana ilmu yang kaya” dan wacana pemikiran yang kritis, yang mahu meningkatkan kesedaran pada masyarakat dan manusia tentang pergolakan dunia, kemusnahan yang dilakukan oleh manusia yang memburu nafsu dan kepentingan diri sendiri, tidak prihatin perihal pentingnya memelihara kehidupan yang sepadu (*symbiotic*), kesejahteraan insan, keamanan dunia dan keharmonian alam.


SUATU PERSIDANGAN

Telah berlangsung
Satu persidangan tergempar cakerawala
Di sebuah Dewan Serbaguna Bola-bola
Paduka Surya pemimpin acara
Agenda bicara: Pencabulan Undang-undang Kosmik

Atur cara berjalan dengan tenang
Hingga tiba giliran Tan Sri Bulan:
Sebelum kita diwujudkan telah ditandatangani
Satu perlembagaan:

Menjunjung perintah Tuhan
Mematuhi suruhan menjauhi tegahan
Menjalankan tugas dengan
Kesetiaan, kerelaan dan kesungguhan
Mesti ada Kerjasama dan jangan ada
Pencerobohan dalam menjayakan
Projek Jangka Panjang Alam.

Datuk Mangku Bumi telah menodai perjanjian
Menyalahgunakan jawatan dan kepercayaan.
Lihatlah betapa keonaran dan kebobrokan
Kini, kemungkaran itu mahu disebarluaskan
Di wilayah milik hamba yang penuh kesucian.
Ini satu pencabulan, pendurhakaan!
Datuk Mangku Bumi mesti dipecat dari keanggotaan.



**Cakerala-cakerawala mengutarakan usulan
Segala-galanya dimasukkan dalam komputer
keadilan
Di akhir persidangan dengan sepakatan resolusi baru
Diluluskan:**

**BAHAWA DATUK MANGKU BUMI DIPECAT
DARI KEANGGOTAAN
BAHAWA TIADA LAGI SUMBANGAN
AKAN DIHULURKAN
Semua cakerawala tidak akan dalam Satu
Sistem peredaran
Paduka Surya tidak akan membekalkan sinarnya
Tan Sri Bulan tidak akan memancarkan cahaya
Yang Berhormat Bintang-bintang tidak akan
Berkelipan!!!**

9. NILAI INSAN ARIF BUDIMAN SEJATI

Asal usul / status sosial tidak penting. Misalnya Luqman Hakim seorang hamba kulit hitam, tetapi kearifannya telah mengangkat kedudukannya sebagai seorang yang dihormati masyarakat dan dimuliakan oleh Islam.


Nilai kearifan tidak terletak pada pendidikan atau sijil dan ijazah formal sahaja. Yang utama ialah kegigihan menggali menuntut ilmu dari warisan khazanah bangsa dan lingkungan sekitaran. Insan Budiman bernama Luqman al-Hakim, Tengku Nazaruddin Said Effendy dan Muhd Arif Ahmad, tidak mempunyai ijazah tinggi university. Tetapi ilmu yang mereka miliki lebih hebat dari nilai phd atau sarjana akademik. Nilai ilmu ini bersifat kekal kukuh (*sustanaible*) sejagat (universal).

Selain ilmu, budi pekerti amat penting. Sifat penyayang, beradab santun, merendah diri amat penting. Ini jelas pada Pak Tenas, biarpun seorang berstatus bangsawan yang tinggi, telah memaparkan sifat etika yang terpuji dan amat disenangi.

Sumbangan budi adalah sepanjang hayat dan tidak terhenti bila kita tamat khidmat atau bersara. Nilai budiman ini sepanjang hayat. Ini terbukti melalui perjuangan Pendeta MAS dan Pak Tenas.

10. UNIVERSITI KEHIDUPAN

- Proses menuntut ilmu dan pembangunan diri tidak terhenti di gedung menara gading atau universiti. Pendedahan dan pengalaman langsung dengan alam sekitaran dan kehidupan masyarakat adalah universiti sebenar.
- Tuntutlah ilmu setinggi mungkin dan jangan terhenti di menara gading. Susurilah dan dakilah menara ilmu dan terbang tinggi meneroka ke angkasaraya kehidupan sebenar. Kemudian kembalilah membumi, menabur budi di mana bumi kita pijak. Di sivilisasi langit kita junjung.



11. PENGIKTIRAFAN TOKOH ARIF BUDIMAN

Pengiktirafan terhadap tokoh arif Budiman amatlah penting sebagai saksi bermakna terhadap sumbangan bakti mereka dan juga sebagai motivasi seterusnya untuk melahirkan tokoh-tokoh baru.

Pengiktirafan ini boleh dilakukan berbagai peringkat – Pemerintah, institusi akademik dan masyarakat, mahupun oleh pihak syarikat swasta dan individu.

Ini adalah pengiktirafan terhadap Pengasas Singapura dan secara tak langsung pada Tun Sri Lanang yang merakamkan kisah sejarahnya..

Terkini (Jan 2022)–
Biasiswa Sang Nila
Biasiswa Sang Nila
Utama Institut
Teknologi Singapura
(SIT) hasil derma 5
individu dan korporat

Contoh – Dana
Endowmen Pengajian
Melayu Dr Muhd Arif
Ahmad di NIE/NTU yang
tawarkan biasiswa pasca-
siswazah dan Hab kajian
yang dilancarkan oleh
Presiden Halimah pada 31
Mac 2021.

PELANCARAN BIASWA
PASCASISWAZAH &
GERAN KAJIAN DANA
MAS (9 /4/2016)
& HAB KAJIAN DAN
SUMBER MAS
(31/3/2021)



Pengiktirafan NIE/NTU dan Negara

RUMUSAN – SINAR ARIF BUDIMAN MELAYU DALAM GALAKSI KEHIDUPAN SEJAGAT


Guru sebagai angkasawan ilmu mesti memahami dan menguasai PAKSI budaya, matlamat dan tahap pembinaan BBM, mempunyai paksi diri dan prinsip pendidikan yang utuh, mengenalpasti nadi-nadi kekuatan diri pelajar, hasil pembelajaran yang diinginkan, corak dan tahap kejayaan dan kecemerlangan yang ingin dicapai dan harus menguasai semua strategi pendidikan yang sesuai lagi berkesan dan memiliki dan memanfaatkan teleskop pendidikan yang canggih dan utuh.

Para guru juga haruslah meneruskan langkah perjuangan ikon pendidik teladan, kompas dan pelita ilmu, yang telah menyuluhan dan menjadi inspirasi lalu dan sepanjang zaman.

Guru juga harus boleh Mengenal pasti dan menggunakan bahan-bahan pengajaran yang sesuai dengan pedagogi yang berkesan. Guru tidak perlu bergantung pada buku teks saja. Kapal angkasa atau roket PdP haruslah lengkap dan canggih.

WACANA PEMIKIRAN KRITIS & CINTA DAN BANGGA BBM

Untuk mencapai tahap kecemerlangan pemikiran yang lengkap, kita juga harus memanfaatkan wacana BBM untuk mengetahui persoalan teknikal Bahasa, pengenalan adat tradisi kebudayaan Melayu, malah melalui BBM kita harus boleh membincangkan dan menyelesaikan persoalan kehidupan dan kemanusiaan yang besar dan hebat juga. Guru harus mampu dan yakin untuk menghasilkan pelajar yang berfikiran kritis, peka, empati, sayang dan cinta pada BBM.



CITA SEMPURNA,
AMANAH,
TANGGUNGJAWAB
AZAM PERJUANGAN
SEPANJANG HAYAT

Visi Arif Budiman bukan sekadar impian untuk kita kejar. Bukan sebuah angan-angan yang datang dan pergi ditutup angin musimian dan putaran zaman.

Ini adalah sebuah cita sempurna hidup, amanah budaya dan tanggungjawab profesional yang kita mesti kendong dengan penuh kasih sayang, yang mesti kita sulami dengan penuh kebijaksanaan dan kita perjuangkan dengan penuh iltizam, yakin, dedikasi, tabah dan tidak mudah menyerah kalah sepanjang zaman sepanjang hayat. Insya-Allah.

TITIK AKHIR – NUR CAHAYA HAKIKAT WUJUD YANG ABADI

Seorang insan Arif Budiman ialah seorang yang berilmu berpengetahuan, yang mencintai bahasa dan budayanya dan gigih menyumbang bukan hanya untuk dirinya sahaja, tetapi untuk pembangunan bangsa, masyarakat, negara, agama dan kemanusiaan umumnya.

Secara fitrah, semua ilmu, amal ibadahnya, hubungannya dengan sesama insan (Hablul minan Nas) dan alam semesta yang simbiosis, akhirnya akan membawanya kepada Tuhan, Maha Pencipta.

Insan Arif Budiman yang bersendikan syarak, bersendikan kitabullah, adalah insan beriman, mengenal Tuhan, lantas berbudi berbakti dengan ikhlas penuh taqwa untuk mendakap Keredhaan dan Cinta Allah, Tuhan yang Satu.



KENAL /KNOWING



Renungan surah al-Anbiyah, Tafsir al-Azhar dan bicara 'Allah Satu' oleh HAMKA	A reflection on sura al-Anbiyah, and al-Azhar Quranic commentary and discussion of "The One God" by HAMKA
<p>Kubuka kelopak mata untuk melihat wajah alam Kubuka lubuk hati untuk merasa Maha Pencipta</p>	<p>I open my eyes To see the face of creation I open my heart To feel the presence of the Creator</p>
<p>"Mata melihat alam Hati melihat Tuhan" Tak kenal maka tak cinta Bagaimana dapat kukenal untuk kucinta?</p>	<p>"The eyes see the world The heart sees God" You do not love what you do not know How may I know So I may love?</p>
<p>Ya Allah Ya Rabbi Tanggalkan selaput pandangan menutup kornea mataku untuk melihat segala ketetapan-Mu</p>	<p>O God Remove the veil of vision That covers my corneas So I may see Your will</p>
<p>Ya Rahman Ya Rahim Tanggalkan selaput penghayatan menutup nadi jantung nuraniku untuk merasa segala keredhaan-Mu</p>	<p>O God Remove the veil of understanding That covers my conscience So I may feel Your power</p>
<p>"Mata melihat alam Hati melihat Tuhan" Kumahu tatapi keindahan alam-Mu Kurindu dakapi rahmat kasih-Mu</p>	<p>"The eyes see the world The heart sees God" I wish to gaze at the beauty of Your creation I yearn to embrace the grace of your compassion</p>
<p>Ya Allah Maha Cahaya Kau Cinta yang Satu!</p>	<p>Oh God of All Light You are the One Love!</p>
<p>Hadijah Rahmat dan Era Maida 2 Jamadilakhir/ 7 Februari 2019 Gubahan Lagu dan Nyanyian – T:Zi</p>	<p>Hadijah Rahmat and Era Maida Translated by Alfian Saat Music Composition & Song by T:Zi</p>



Terima
kasih



Mohon
Maaf

Menjunjung Budi
Menyulam Kasih

Sesi Tanya Jawab

- Sila imbas kod QR berikut dan taipkan soalan anda.
atau
- Menaip alamat
<https://www.menti.com/qjh1v2bx5m>
untuk ke laman Menti.com

